

**GARIS PANDUAN WARIS GRADUAN
MAJLIS KONVOKESYEN KE-4 POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR**

Majlis Konvokesyen Ke-4 akan diadakan pada **8 Jun 2022 (Rabu)** jam 7.30 pagi bertempat di **Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai**. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama para graduan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

1. WARIS GRADUAN / TETAMU GRADUAN

- 1.1 Bilangan tetamu atau waris graduan yang dibenarkan masuk ke dalam Dewan Majlis Konvokesyen adalah **seramai 2 orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 1.2 **Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.**
- 1.3 Waris graduan / tetamu jemputan perlu berpakaian rasmi dan sopan semasa berada di Dewan Majlis Konvokesyen.
- 1.4 Waris graduan / tetamu graduan perlu berada di dewan Majlis Konvokesyen selewat-lewatnya pada pukul **8.00 pagi**. Pintu masuk dewan akan ditutup setengah jam sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
- 1.5 Waris graduan / tetamu graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Konvokesyen Ke-4 untuk masuk ke dalam dewan.

2. ETIKA PAKAIAN

2.1 Pakaian Tetamu Lelaki :-

- i) Baju Kebangsaan, atau
- ii) Batik, atau
- iii) Lounge Suit, atau
- iv) Pakaian Rasmi yang sesuai (seluar jeans dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**).

2.2 Pakaian Tetamu Wanita :-

- i) Baju Kebangsaan atau
- ii) Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau *skirt* melebihi atas paras lutut, *blouse* tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**).



PERINGATAN

1. Waris graduan / tetamu diminta untuk menghormati istiadat yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau mengganggu keharmonian istiadat.
2. Waris graduan / tetamu juga **DILARANG** meninggalkan dewan semasa Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung.
3. Kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun adalah **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam Dewan Konvokesyen.
4. Waris graduan / tetamu adalah dinasihatkan supaya bersarapan pagi terlebih dahulu sebelum memasuki dewan. Istiadat Konvokesyen dijangka akan mengambil masa yang agak lama untuk selesai.